



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PELANTIKAN LEMBAGA BAHARU FINAS

Satu Lembaga baharu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah dilantik pada 22 November 2018 bagi melaksanakan pembaharuan dan penstrukturan semula berdasarkan hala tuju Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).

KKMM ingin mengumumkan pelantikan Lembaga FINAS baharu, termasuk Pengerusi dan Timbalan Pengerusi serta pemangku Ketua Pengarah FINAS.

Lembaga baharu ini terdiri daripada kalangan individu yang berpengalaman luas dan berpengetahuan dalam bidang perfileman, karyawan, perakaunan dan perundangan.

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) KKMM, Dato' Samsuni Mohd Nor telah dilantik sebagai Pengerusi manakala Affendy Ali Dally, seorang penasihat undang-undang, dilantik sebagai Timbalan Pengerusi.

Ahli-ahli lembaga yang lain ialah Rashid Karim, Hasnul Hadi Samsudin, Onn Norshal Hamzah, Mohan Rao, Salwah Shukor dan Andrew Tai.

Ketua Setiausaha KKMM, Dato' Dr. Mohd. Ali Mohamad Nor dan wakil daripada Kementerian Kewangan, Siti Juraini Jalaludin dilantik sebagai wakil-wakil kementerian.

Turut dilantik adalah Encik Shakib bin Ahmad Shakir selaku pemangku Ketua Pengarah FINAS dan Puan Fairul Azida Shahabudin selaku pemangku Timbalan Ketua Pengarah FINAS.

Lembaga telah melantik ahli-ahli yang berpengalaman dalam industri ini sebagai panel penasihat mereka. Ahli-ahli tersebut adalah Ku Mohamad Haris Ku Sulong,

Bront Palarae, Mohamed Harun Abdul Rahman, Wee Meng Hee, Nadira Ilana, Juhaidah Joemin, Anna Har, Adrian Teh, Syafiq Yusof, Mohamad Ghazali Jeman dan Shanjhey Kumar Perumal.

Kementerian berharap ahli-ahli lembaga ini dapat bekerjasama untuk meningkatkan prestasi FINAS demi menjayakan industri ini sehingga ke pentas dunia pada masa hadapan.

Semua lantikan ini adalah selaras dengan peruntukan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia 1981.

GOBIND SINGH DEO
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
10 DISEMBER 2018